

Headline	Berubahkah GLC		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	370 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,464		



# Berubahkah GLC?

Oleh ZULKIFLI JALIL

pengarang@utusan.com.my

**KALAU** boleh tiada budi bicara lagi buat pemain-pemain syarikat milik kerajaan (GLC) dalam memperjuangkan agenda pemerkasaan orang Melayu dan Bumiputera.

Kena beritahu secara terus terang. Kalau guna budi bicara tanpa meletakkan Petunjuk Prestasi Utama (KP) kepada setiap pemimpin GLC ini atau lebih tepat lagi ketua-ketua pegawai eksekutif mereka, almatnya mereka akan ambil mudah soal ini.

Mereka ini tidak terlibat dalam politik, tak tahu apa itu (agenda pemerkasaan orang Melayu), kita lah (kerajaan) kena spesifikkan peranan yang perlu digalas mereka.

Itu antara ketegasan yang diluahkan oleh para perwakilan UMNO yang berhimpun pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selama lima hari ini.

Imej GLC memang 'tersangkut' setiap tahun, setiap kali perhimpunan orang Melayu ini muncul. Masalahnya, GLC kelihatan tidak ambil peduli, sampaikan Presiden UMNO terpaksa turun padang, untuk memastikan sama ada pemain-pemain GLC ini benar-benar buat kerja.

Yang terpalit tentunya cabang pelaburan negara, Khazanah Nasional Bhd. yang menaungi tujuh GLC utama. Memang kerap didengar hanyalah keluh-kesah masyarakat bumiputera bahawa GLC tidak membantu mereka sepenuhnya. Keupayaan orang luar dikatakan lebih diyakini walhal keupayaan 'orang dalam' dalam banyak keadaan lebih baik daripada keupayaan orang luar.

Orang dalam ini lebih mengetahui selok belok operasi syarikat, sedangkan pihak pengurusan atasan yang diketuai oleh CEO lebih berminat mengambil khidmat orang luar.

Penulis percaya dan penuh yakin sekali CEO-CEO GLC sudah membaca, kemudian meneliti kenyataan-kenyataan pedas perwakilan UMNO yang begitu geram dan marah dengan sikap sambil lewa GLC dalam soal kepentingan orang Melayu dan bumiputera ini.

Wakil Selangor, Datuk Mohd. Haniff Koslan menyarankan GLC mewujudkan jutawan Melayu.

Seandainya satu GLC diberikan tanggungjawab melahirkan seorang jutawan Melayu untuk tempoh dua atau tiga tahun, kalau ada lima GLC, bermakna kita berjaya wujudkan lima jutawan Melayu dalam tempoh itu. Itu syor Ketua UMNO Bahagian Pandan.

Nada Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir lebih kurang sama.

"Kalau merasakan hanya mereka yang layak memegang jawatan tersebut (CEO GLC) tidak ada golongan profesional lain

termasuk bukan Melayu layak memegang jawatan itu, saya rasa mereka silap. (Malah sebenarnya) jawatan (yang kini disandang) mereka itu adalah kerana kesungguhan politik kerajaan yang ditunjangi UMNO.

"Kalau mereka sedar hakikat itu, barulah agenda berkenaan dapat bergerak," kata Mukhriz.

Kenyataan Mohd. Haniff dan Mukhriz ini adalah rentetan isu sama yang dibangkitkan oleh wakil Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir yang juga mahukan GLC mengutamakan akhbar Melayu dalam mengiklankan produk mereka.

Memang perwakilan UMNO yang bukan sembarangan orang, marahkan GLC. Kenyataan seorang lagi ahli MT, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob lagi. Keluarkan sahaja, atau lebih tepat lagi perkataannya, singkirkan sahaja CEO-CEO GLC yang tidak serius atau berminat memperjuangkan agenda pemerkasaan ini. Jadi, tidak perlu dia di situ. Pengerusi UDA Holdings yang juga ahli MT, Datuk Johari Abdul Ghani pun demikian juga amarahnya pada GLC: "Jangan guna budi bicara lagi dah."

Bercakap pasal kurangnya GLC mengiklankan produk mereka dalam akhbar-akhbar berbahasa Melayu, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Mohammad Md Yusoff ketika dihubungi semalam menarik perhatian mengenai persaingan agensi iklan Melayu di persada global.

"Jika soal kelestarian pelanggan atau klien yang 'kritikal' menghantui agensi iklan kita dan dihambat pula oleh hala tuju syarikat GLC yang kian kurang jelas ini ke arah membantu keusahawanan agensi iklan Melayu, ini sekali gus akan merencatkan pembangunan media berbahasa Melayu khususnya industri persuratkhabaran.

"Persoalan yang besar ialah industri iklan begitu luwes menerima kemasukan pemain luar dan asing sehingga kemelut MNCs (syarikat besar asing) mudah bertapak dalam industri yang sudah menjadi satu *fait accompli*. Apakah industri iklan tidak dilindungi mahupun dikawal selia?"

"Ini diburukkan lagi dengan permasalahan industri iklan kita tanpa kementerian yang memayunginya. Apakah kementerian terbabit sudah cukup, lagi mampu menangani isu dan cabaran industri iklan?," kata beliau.

Di sebalik 'pembantaian' GLC terbaharu di perhimpunan terbesar umat Melayu di PWTC itu, penulis sebelum ini pun pernah bertanya pegawai-pegawai GLC apa cerita sebenar yang 'menyekat' mereka dalam perjuangan melaksanakan agenda pemerkasaan bumiputera ini.

Katanya. sering disalah tafsir. GLC, dak-

Headline	Berubahkah GLC		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	370 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,464		


wanya, dilihat terpisah daripada realiti dan asas. Tidak ramai memahami 'perbezaan' antara GLC dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

Peranan dan tanggungjawab GLIC dan GLCs, kata pegawai itu, sering bercampur aduk dengan agensi kerajaan lain. GLC dari segi definisinya adalah syarikat-syarikat yang dikawal oleh GLIC di mana GLIC adalah pemegang saham majoriti atau pemegang saham tunggal terbesar.

Sebagai contohnya, GLIC terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional (KNB), LTAT, Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Tetapi GLC setiap satunya ada pihak empunya masing-masing. Misalnya KWSP, GLCnya adalah MRCB; PNB (Maybank, Sime Darby, CCM dan UMW) manakala Khazanah Nasional pula yang dinaunginya adalah Malaysia Airlines System, TM, UEM, Tenaga Nasional Berhad, Axiata, Malaysia Airports dan CIMB Group.

Cuma, persoalannya, GLC nak bantu atau tidak soal pemerkasaan agenda bumiputera?

Kalau tak mahu, pelbagai alasan boleh dicipta, direka-reka. Jangan tahun depan pula 'pembantaian' serupa ini berulang di PWTC.

 **Masalahnya, GLC kelihatan tidak ambil peduli, sampaikan Presiden UMNO terpaksa turun padang, untuk memastikan sama ada pemain-pemain GLC ini benar-benar buat kerja**